

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2020

“MENERAJUI KECEMERLANGAN UNTUK KESEJAHTERAAN INSAN”



28 Februari 2020

Dewan Ilmu, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra

Ucaptama Naib Canselor UniMAP 2020

**“Menerajui Kecemerlangan Untuk
Kesejahteraan Insan”**



Menerajui Kecemerlangan untuk Kesejahteraan Insan

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Seterusnya warga UniMAP yang saya sayangi sekalian.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis Ucaptama Naib Canselor 2020. Terima kasih saya ucapan kepada warga UniMAP yang meluangkan masa pagi ini untuk sama-sama membuat refleksi dan memegang janji beriltizam untuk terus maju ke hadapan demi kecemerlangan UniMAP yang kita semua sayangi.

**“
Bunga telang di dalam dulang,
Buah bidara di atas para;
UniMAP terbilang tambah cemerlang,
Membina negara yang sejahtera. ”**

2. Ucaptama ini akan saya bahagikan kepada tiga bahagian utama: Pertama, saya ingin mengajak saudara-saudari untuk mengimbau sejenak akan tahun 2019 yang telah kita tinggalkan - yang cemerlang, yang mencabar, dan yang perlu ditambah baik; kedua, saya ingin merujuk kepada beberapa ‘quick wins’ yang saya nyatakan dalam ucapan 100 hari saya sebagai Naib Canselor pada 18 Ogos 2019; dan ketiga, perancangan dan pengharapan UniMAP bagi tahun 2020, dalam memastikan kelangsungan kecemerlangan UniMAP.

Saudara-saudari,



Mengimbau Pencapaian 2019

3. Saya dahulukan pencapaian berkaitan akademik, sebagai teras bagi mana-mana saja universiti. Dalam usaha memenuhi keperluan bakat dan tenaga kerja negara dan global, pada tahun 2019, kita telah menawarkan (2) program baharu yang selari dengan penekanan yang diberikan oleh kerajaan kepada TVET ke arah menghasilkan sumber manusia berkemahiran tinggi. Program-program tersebut ialah program Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik

Industri dengan Kepujian dan program Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian. Empat (4) lagi program baharu yang telah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2019 Insya-Allah akan ditawarkan pada Sidang Akademik 2020/2021.

4. Pengiktirafan badan-badan akreditasi profesional bagi program-program akademik yang ditawarkan amat penting bagi UniMAP, terutama dalam memastikan bahawa siswazah yang dihasilkan memenuhi standard yang ditetapkan, justeru memberi mereka peluang yang amat tinggi untuk mendapat pekerjaan yang baik. Pada tahun 2019, 12 Program Kejuruteraan di UniMAP telah mendapat akreditasi baharu iaitu sembilan (9) daripadanya untuk tempoh enam (6) tahun sementara tiga (3) lagi untuk tempoh tiga (3) tahun. Dua (2) program lagi mendapat sambungan akreditasi bagi tempoh tiga (3) tahun. Semua kejayaan ini membuktikan pengiktirafan terhadap UniMAP pada peringkat global oleh EAC di bawah Washington Accord. Program Teknologi Kejuruteraan di UniMAP juga akan diakreditasi oleh pihak ETAC bermula pada tahun ini. Sekiranya semua berjalan lancar, program-program Teknologi Kejuruteraan di UniMAP akan mendapat pengiktirafan Sydney Accord. Kita juga masih dalam proses untuk mendapat pengiktirafan Dublin Accord bagi program Diploma Kejuruteraan.
5. Bagi memastikan program akademik yang ditawarkan kekal relevan, berkualiti, berdaya saing dan selaras dengan keperluan industri dan negara, UniMAP telah melaksanakan semakan penawaran program akademik dan mengambil pendekatan yang berikut. Pertama, kita telah menjumudkan beberapa program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda yang kurang mendapat permohonan bermula Sidang Akademik 2018/2019. Kedua, kita telah mengambil langkah melaksanakan penamaan semula program pengajian seperti Program Kejuruteraan Bioproses kepada Kejuruteraan Kimia, Program Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem ditukar kepada Program Kejuruteraan Pertanian, dan program Diploma Kejuruteraan Mikroelektronik kepada Diploma Kejuruteraan Elektronik. Ketiga, kita telah menggabungkan program-program pengajian. Selain daripada penggabungan program Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga dan program Kejuruteraan Elektronik Industri ke dalam program Kejuruteraan Elektrik, terkini yang akan dilaksanakan adalah penggabungan program Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Bersepadu) kedalam program Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik.) Penggabungan bermaksud kursus tersebut dikemas kini, dijumlahkan dan dimasukkan ke dalam program lain yang lebih menepati keperluan pasaran semasa. Hasilnya terdapat peningkatan bilangan pelajar dalam kemasukan ke program-program yang ditawarkan. Tiada lagi program UniMAP yang tersenarai dalam senarai sepuluh terbaharunya dari segi populariti pada peringkat KPM selepas penjumudan dan penstrukturkan semula program pengajian di UniMAP. Tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah berani melakukan perubahan.
6. Dari segi bilangan pelajar, tahun 2019 menyaksikan bilangan enrolmen pelajar UniMAP seramai 12,183 orang iaitu 1,289 orang pelajar daripada program Diploma, 9,389 orang pelajar daripada program Sarjana Muda dan 1,505 pelajar daripada program pascasiswazah. Jumlah kemasukan pelajar sebanyak 3,382 orang pada tahun ini ialah bagi pelbagai bidang pengajian yang ditawarkan, yang terdiri daripada 534 orang pelajar program Diploma, 2,585 orang pelajar program Sarjana Muda, 187 orang program Sarjana dan seramai 76 orang pelajar program Doktor Falsafah (PhD).

7. Pemerkasaan dan pembangunan insan yang holistik ialah amanah terbesar negara kepada universiti. Dalam aspek ini, selain memastikan kurikulum yang ditawarkan adalah relevan kepada pihak industri, UniMAP sentiasa membuka peluang kepada mahasiswanya untuk bergerak aktif dalam kegiatan ko-kurikulum. Hasil daripada usaha tersebut, sebagai contoh, mahasiswa UniMAP telah berjaya memperoleh pengiktirafan dari dalam dan luar negara, antaranya Anugerah Pemimpin Program Sains, Teknologi dan Inovasi bagi Anugerah Tokoh Siswa Universiti Awam 2018, Anugerah *The Best Project (Subcourse B)* untuk *Program Commtech Camp Highlight 2019*, Surabaya, Indonesia; tempat ke-4 keseluruhan bagi Anugerah Persembahan Bakat di Asia Summer Program (ASP), Anugerah Kesukarelawanan Suksis Terbaik dan penyertaan dalam Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Program Sukarelawan Antarabangsa. Bagi program mobiliti pelajar, pada tahun 2019, 213 orang pelajar UniMAP telah mengikuti program mobiliti *outbound*, sementara UniMAP telah menerima 89 orang pelajar bagi program mobiliti *inbound*

8. Dari segi output, kebolehpasaran siswazah menjadi salah satu fokus utama UniMAP. Berdasarkan laporan Sistem Kajian Pengesanan Graduan, KPM (SKPG-KPM), pada konvokesyen 2019 yang lalu 78.5% siswazah warganegara di UniMAP berada dalam kategori bekerja iaitu 58.7% bekerja, 12.6% melanjutkan pengajian, 1.8% meningkatkan kemahiran dan juga 5.4% sedangmenunggupenempatanpekerjaan. Atas komitmen pusat pusat pengajian dan CIGC, prestasi SKPG UniMAP (angka tidak rasmi) telah meningkat kepada 87.8% sehingga 10 Februari yang lalu. Empat (4) pusat pengajian telah pun mencapai sasaran 90% iaitu IKOM, PPIPT, PPD dan juga PPK Alam Sekitar. Insya-Allah prestasi SKPG UniMAP akan mencapai 90% pada 1 Mac 2020, seperti yang disasarkan.



tahun 2019
menyaksikan bilangan enrolmen pelajar UniMAP seramai **12,183** orang iaitu **1,289** orang pelajar daripada program Diploma, **9,389** orang pelajar daripada program Sarjana Muda dan **1,505** pelajar daripada program pascasiswazah

Pada konvokesyen 2019 yang lalu 78.5% siswazah warganegara di UniMAP berada dalam kategori bekerja iaitu 58.7% bekerja, 12.6% melanjutkan pengajian, 1.8% meningkatkan kemahiran dan juga 5.4% sedang menunggu penempatan pekerjaan.

Saudara-saudari,

9. Dari segi penyelidikan dan inovasi, pada tahun 2019, UniMAP telah berjaya memperoleh geran penyelidikan berjumlah RM15,557,409.00 dengan sumber dana daripada universiti, pihak kerajaan, industri dan pihak antarabangsa. Pengiktirafan pihak luar terhadap kualiti inovasi UniMAP dilihat melalui kejayaan penyelidik memperoleh sejumlah 52 pingat dan lapan (8) Anugerah Khas melalui 52 projek penyelidikan yang dipertandingkan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti ITEX, PEKIPTA, RISE, UTEMEX dan SIIIF di Korea Selatan. Penyertaan UniMAP ke pameran-pameran penyelidikan dapat membantu mempromosi produk penyelidikan dan inovasi UniMAP yang berpotensi untuk dikomersialkan kepada industri dalam dan luar negara. Ia juga membantu meningkatkan keterlihatan universiti di persada antarabangsa.

10. Dari segi penerbitan, berdasarkan pangkalan data SCOPUS bagi empat (4) tahun ke belakang, prestasi UniMAP sedikit menurun bagi tahun 2019. Pada tahun 2016 UniMAP telah menghasilkan 1,108 artikel (601 jurnal), pada tahun 2017 sebanyak 1,426 Artikel (496 jurnal), pada tahun 2018 sebanyak 1,477 artikel (554 jurnal) dan pada tahun 2019 mencecah lebih daripada 1,179 artikel (570 jurnal). Terkini, jumlah keseluruhan kertas penerbitan melebihi 10,447; 56% ialah dalam prosiding persidangan sementara 44% daripada penerbitan dalam jurnal.

persidangan sementara 44% daripada penerbitan dalam jurnal. Bilangan ini juga ialah yang tertinggi dalam kalangan MTUN, dan jika dibandingkan dengan universiti ternama di Indonesia, UniMAP adalah setanding dengan Universitas Gadjah Mada dalam hal ini.

kejayaan penyelidik memperoleh sejumlah 52 pingat dan lapan (8) Anugerah Khas melalui 52 projek penyelidikan yang dipertandingkan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti ITEX, PEKIPTA, RISE, UTEMEX dan SIIIF

jumlah keseluruhan kertas penerbitan melebihi 10,447; 56% ialah dalam prosiding persidangan sementara 44% daripada penerbitan dalam jurnal.

11. Pada tahun 2019 juga, UniMAP telah menghasilkan sebanyak 12 judul buku bercetak dan 10 judul buku elektronik bagi memenuhi keperluan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta penyebaran ilmu kepada masyarakat umum. Selain itu, Penerbit UniMAP telah berjaya menerbitkan enam (6) jurnal dengan 13 isu terbitan dalam tahun 2019, serta lain-lain terbitan yang menyumbang kepada jumlah keseluruhan 92 bahan terbitan bagi tahun 2019. Tahniah saya ucapan kepada para penyelidik dan penulis yang telah menyumbang kepada pencapaian ini. Saya amat berharap kita akan terus memberi sumbangan yang terbaik demi kecemerlangan UniMAP.
12. Tahun 2019 merupakan tahun yang membanggakan buat UniMAP juga apabila Pusat Pengkomersialan Harta Intelek (CIPC) berjaya mendaftar perlindungan harta intelek untuk 32 teknologi penyelidikan UniMAP dengan peruntukan yang sangat minima. Lebih membanggakan lagi, CIPC telah mencatat bilangan pendaftaran perlindungan harta intelek yang paling tinggi sejak lima (5) tahun yang lepas.
13. Hubungan UniMAP dengan industri sentiasa diberi perhatian khusus oleh pengurusan universiti dan juga Lembaga Pengarah Universiti. Bagi tahun 2019, perkembangan hubungan UniMAP dan industri amat memberansangkan. Sebanyak sepuluh (10) Centre of Technology (CoT) telah ditubuhkan di UniMAP dengan kerjasama sepuluh (10) industri terkemuka Malaysia dan antarabangsa.
14. Selain itu, sebanyak 12 MoU dan 5 MoA telah ditandantangani bersama pihak industri termasuk E-Idaman, Minebea Electronics Motor, Sarawak Convention Bureau, Smart Modular Technologies Sdn Bhd, Supercomal Medical Products Sdn. Bhd, Walta Engineering, Flextronics Technology, Huawei Technologies, Molex (Malaysia) Sdn. Bhd., Pens Industries Sdn. Bhd. Beberapa aktiviti/program bersama industri juga telah diadakan sepanjang tahun 2019, antaranya Majlis Jamuan Raya UniMAP bersama industri (55 industri), Sembang Santai Akademia-Industri bersama LPU (23 industri), *Northern Industrial Career Engagement* (37 industri) dan empat (4) sesi lawatan Pengurusan Tertinggi UniMAP ke industri (Inari, KISMEC, Infineon, dan Silterra).
15. Hubungan akrab UniMAP dengan industri telah menyumbang kepada penerimaan hadiah oleh universiti daripada industri bernilai RM21 juta, iaitu peralatan industri yang dimanfaatkan oleh pelajar dan staf akademik untuk tujuan pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan. Antara peralatan tersebut ialah CPU Workstation dan *Die Attach Machine* daripada Inari Amerton Bhd, dua (2) unit

12 MoU dan 5 MoA ditandantangani bersama pihak industri



Industrial Scara robot daripada Walta Engineering Sdn. Bhd., 10 unit enjin daripada Modenas Sdn Bhd, Lab Management Software and Hardware daripada Keysight Technologies Malaysia Sdn. Bhd. dan banyak lagi yang tidak dapat saya sebutkan semuanya di sini.

16. Pada tahun 2019 juga, tiga (3) CEO Industri telah ditindikkan kepada UniMAP iaitu Ms Lynn Olson (Vice President, Intel), En Tan Soon Keong (Engineering Director Infenion) dan En Munawir Ab Ghani (Vice President, Silterra) bagi program CEO@Faculty, justeru memberi peluang kepada UniMAP untuk lebih akrab dengan industri. Bagi pendanaan dari industri, sebanyak 33 geran industri yang berjumlah RM 4,435,150.00 telah diperolehi oleh UniMAP dari Funfiek Technology, Tin Solder Technology, Flextronic, Geran Sepadan MTUN-Industri.
17. Keperluan menjana pendapatan sendiri universiti melalui usaha berdasarkan kepakaran penyelidikan dan konsultasi, serta mendapatkan pendanaan adalah salah satu daripada keutamaan UniMAP. Malahan, kelestarian kewangan ialah salah satu daripada kluster Pelan Strategik UniMAP 2025. Syabas saya ucapkan kepada semua Pusat Tanggungjawab yang sama-sama bertungkus-lumus menjalankan aktiviti untuk menjana kewangan melalui fasilitasi *One Stop Centre (OSC)* termasuk caj kemudahan dan makmal-makmal yang sedia ada di Universiti, yang keseluruhannya berjumlah hampir RM2.9 Juta.
18. Sementara itu, melalui Wakaf dan *Endowmen*, UniMAP telah berjaya memperoleh sejumlah sekitar RM4.5 juta, termasuk wakaf tunai, wakaf untuk mesin penapis air, dan wakaf untuk pembangunan Masjid dan Kompleks Pusat Islam; sementara tabung *endowmen* yang berkenaan ialah Endowmen Penyelidikan KTPC, Tabung Endowmen Trust Fund BSN, dan Tabung Endowmen Keusahawanan Pelajar.
19. UniMAP juga telah menerima dana keusahawanan untuk Program Keusahawanan Pelajar sejumlah RM579,174.00. Kita juga telah melancarkan Program Keusahawanan *Social Innovation for Poverty Eradication@MYHE(Aquapreneurs)*, yang melibatkan pelajar-pelajar B40 mengendalikan projek *aquaculture* menggunakan teknologi hasilan daripada penyelidik UniMAP iaitu ARAS BM600 melalui ternakan ikan *jade perch*. Keuntungan sebanyak RM38,676.00 telah diperolehi setelah hampir setahun projek dilaksanakan.



RM 4.5 juta
Dana **Wakaf** dan ***Endowmen***, diperoleh.

UniMAP kini berada pada kedudukan 701-750 keseluruhan dalam QS World University Rankings (WUR) 2019 manakala bagi QS Asia Rankings, UniMAP berada pada kedudukan 211, iaitu kedudukan 38% tertinggi di Asia 2020

20. Dalam usaha memastikan UniMAP mempunyai staf yang berkompetensi tinggi, sebanyak 33 program yang melibatkan 1,234 penyertaan berjaya dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD). Program tersebut merangkumi kursus wajib bagi tujuan pengesahan jawatan staf akademik, kursus pembangunan profesionalisma pensyarah serta program perkongsian ilmu dalam mempertingkatkan kompetensi pensyarah khususnya dalam melaksanakan tugas pembelajaran dan pembelajaran. Bagi staf kumpulan Pengurusan dan Profesional dan staf kumpulan Pelaksana, sebanyak 22 kursus telah dianjurkan oleh Unit Latihan dan Kompetensi yang melibatkan 2,849 bilangan penyertaan.
21. Kesedaran UniMAP akan tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan dan berteraskan slogan Kejuruteraan dan Teknologi untuk Kemanusiaan, *University For Society (U4S)*, UniMAP telah mendekati komuniti dan memanfaatkan hasil penyelidikan dan kepakaran pendidikan ke arah pembangunan komuniti sejahtera, sekaligus menyumbang kepada kemakmuran negara. Sejumlah 131 program pemindahan ilmu (*knowledge transfer programme*) dan program khidmat komuniti telah dilaksanakan. InsyaAllah usaha UniMAP mendekati komuniti akan terus dimantapkan lagi pada tahun 2020.
22. Secara keseluruhannya, segala usaha dan sumbangan warga UniMAP dalam memastikan universiti ini terus cemerlang dan gemilang dapat digambarkan melalui kejayaan UniMAP berdasarkan piawaian antarabangsa. UniMAP kini berada pada kedudukan 701-750 keseluruhan dalam *QS World University Rankings (WUR) 2019* manakala bagi *QS Asia Rankings*, UniMAP berada pada kedudukan 211, iaitu kedudukan 38% tertinggi di Asia 2020. Bagi *QS WUR* untuk kategori *Engineering and Technology* pula, UniMAP berada pada kedudukan 401-450. UniMAP juga telah mendapat 5 bintang bagi pencapaian keseluruhan dalam sistem penarafan *QS Stars*.
23. Buat julung kalinya pula, UniMAP tersenarai dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings 2020*, pada tangga 601-800. Kejayaan ini juga meletakkan UniMAP pada kedudukan ke-3 di Malaysia. Bagi subjek *Engineering and Technology* untuk *THE*, UniMAP berada pada kedudukan 801+, manakala bagi subjek *Physical Sciences*, UniMAP berjaya menduduki kedudukan 301-400.

Penilaian *Webometrics* *World* *Universities* *Ranking*, daripada 1,672, naik kepada kedudukan 1,535 dunia, dan daripada kedudukan ke- 12 Malaysia melonjak ke kedudukan ke-10


24. Dari segi kelestarian kampus, UniMAP menunjukkan peningkatan skor dalam *UI Green Metric Index*, iaitu pencapaian skor bagi tahun 2019 ialah 5,075, berbanding 2884 pada tahun 2017. UniMAP berada pada tangga ke-14 berbanding 20 universiti di Malaysia yang menyertai *UI Green Metric Index*, dan pada kedudukan 377 daripada 780 universiti dunia yang menyertai sistem pengukuran ini.
25. Terkini, kita juga gembira mendapat maklum bahawa UniMAP berjaya meningkatkan kedudukan dalam Penilaian *Webometrics World Universities Ranking*, daripada 1,672, naik kepada kedudukan 1,535 dunia, dan daripada kedudukan ke-12 Malaysia melonjak ke kedudukan ke-10. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada semua atas kejayaan demi kejayaan!
26. Walau bagaimanapun, ingin saya mengingatkan semua kita di sini supaya jangan kita leka dan terlalu berbangga dengan kejayaan demi kejayaan. Bu Ya Hamka pernah berkata: ***Manusia itu asalnya dari tanah, makan hasil tanah, berdiri atas tanah, kembali pada tanah. Kenapa masih bersifat langit?*** Peringatan ini untuk diri saya juga.
27. Bagi Bidang Keberhasilan Utama UniMAP 2019 yang perlu dilaporkan kepada pihak Kementerian, Alhamdulillah, UniMAP telah melepas sasaran bagi dua daripada empat KPI iaitu “jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti” (17.7 berbanding 17.4), dan “peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvokesyen (85.62% berbanding 85%). Walau bagaimanapun, kita perlu mengatur strategi untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa (pencapaian 714 orang berbanding sasaran 1000) dan peratus jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus yang telah ditetapkan (pencapaian 17.43% berbanding sasaran 18%).
28. Bagi UniMAP 2025 pula, daripada 27 KPI yang telah ditetapkan, 63% (17) mencapai dan/atau melepas sasaran, 15% (4) mencapai tahap antara 60-99% sasaran dan 22% (6) tidak mencapai sasaran, iaitu di bawah pencapaian 60%. Antara KPI yang melepas sasaran ialah peratus kursus yang menggunakan *platform telepresence* dan juga aktiviti pembelajaran online (*online synchronized learning activity*) yang dilaksanakan pada peringkat pusat pengajian, bilangan program/aktiviti tanggungjawab sosial universiti (USR), nisbah inovasi berbanding staf akademik, peratus enrolmen pelajar dalam program TVET, jumlah geran nasional dan antarabangsa dan peratus graduan memperoleh PNGK melebihi 3.00.

29. Antara KPI yang tidak mencapai sasaran ialah peratus ahli akademik yang mendapat penganugerahan dan pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, peratus siswazah yang diterima MNC/GLC, nilai *endowmen*, dan peratus bakal pemimpin kelompok bakat (*talent pool*) di universiti yang berjaya diprofilkan. Kesemua KPI yang tidak tercapai perlu disemak semula untuk mengenal pasti kelemahan yang menyumbang kepada pencapaian tersebut, supaya tindakan pembetulan dan pencegahan dapat dilakukan untuk kejayaan masa hadapan.

“QUICK-WINS” DALAM SYARAHAN 100 HARI NC

Saudara-saudari,

30. Saya telah diberitanggungjawab sebagai Naib Canselor UniMAP pada 15 Mei 2019. Justeru, bagi semua pencapaian yang telah saya sebutkan tadi, saya mohon kita sandarkan juga penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Naib Canselor UniMAP yang kedua, Dato' Prof Zul Azhar Zahid Jamal. Saya percaya banyak usaha hasil dari kepimpinan beliau yang telah menyumbang kepada kejayaan yang saya bentangkan tadi.
31. Dalam ucapan 100 hari saya sebagai Naib Canselor, saya telah menggariskan usaha penambahbaikan berterusan yang berkaitan dengan pembangunan pelajar, pemerksaan staf dan keperluan kepada kejayaan kedua-dua aspek tersebut. Izinkan saya memaklumkan di sini perkembangan dan prestasi usaha-usaha tersebut.



**Penawaran
program-program
berteraskan
Kerohanian
dan Sivik dan
Penyelidikan serta
Kemahiran Teknikal
dan Profesional
adalah sebahagian
daripada program
penambahbaikan
program *Pillars*
UniMAP**

32. Berkaitan pemerkasaan pelajar, mulai Mesyuarat Senat kali ke-92, Bilangan 4 bagi tahun 2019 yang diadakan pada 22 Ogos 2019, dua orang wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar telah hadir sebagai ahli tetap Mesyuarat Senat. Kedua-dua wakil tersebut ialah Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua MPP yang telah tamat tempoh masing-masing pada 20 November 2019. InsyaAllah, amalan ini akan diteruskan. Selain itu, selari dengan hasrat keterangkuman dan meraikan kepelbagaiannya, universiti akan memastikan bahawa MPP juga mempunyai wakil dari dalam kalangan pelajar OKU.
33. Saya telah menyentuh tentang keperluan penambahbaikan program *Pillars* UniMAP yang telah dilaksanakan sekian lama, yang juga *flagship* bagi universiti ini dalam usaha pemerkasaan pelajar. Suka saya maklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-141 (Bil. 15/2019) telah meluluskan Dasar dan Polisi *Pillars* pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pelajar program Pengajian Peringkat Diploma perlu mengambil empat kursus wajib (*The Four Pillars*), manakala pelajar Program Pengajian Peringkat Ijazah perlu mengambil tujuh kursus wajib (*The Seven Pillars*). Antara penambahbaikan termasuklah penawaran program-program berteraskan Kerohanian dan Sivik, dan Inovasi dan Penyelidikan serta kemahiran teknikal dan profesional.
34. Pada masa yang sama, universiti mengiktiraf keterlibatan pelajar dalam program anjuran universiti dan program-program lain peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Maka, pelajar yang terlibat boleh dipertimbangkan untuk menggantikan program tersebut dengan *Pillars*. Penggantian *Pillars* juga akan terpakai bagi para pelajar yang memegang jawatan sebagai ahli Jawatankuasa Utama dalam kelab/persatuan pelajar di UniMAP serta Majlis Kepimpinan Pelajar, dan mereka yang menyertai Badan Beruniform di UniMAP iaitu PALAPES dan SUKSIS.
35. Saya juga membicarakan tentang keperluan ditubuhkan jaringan alumni yang mantap seperti penubuhan *Chapter Alumni UniMAP* dan sebagainya. Alhamdulillah hasrat ini telah tercapai dengan penubuhan Chapter Antarabangsa UniMAP yang pertama di Medan, Indonesia iaitu *International Alumni UniMAP Network (IAUN)* - Chapter Medan pada 29 Januari 2020. InsyaAllah, penubuhan IAUN - Chapter Medan dengan kekuatan seramai 25 orang Alumni UniMAP bersama 21 pelajar pasca siswazah akan menjadi pemangkin kepada banyak lagi Chapter Alumni Antarabangsa UniMAP di seluruh dunia.

36. Salah satu kepentingan penubuhan Chapter Antarabangsa ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama Alumni UniMAP dan menjadi medium untuk mereka menyumbang kembali kepada UniMAP dalam apa bentuk sekali pun, termasuklah dalam usaha mempromosi UniMAP ke pasaran antarabangsa. Justeru, untuk memantapkan pengurusan dan pentadbiran berkaitan hubungan alumni di UniMAP, kita mengambil langkah mewujudkan Pusat Perhubungan Alumni dalam struktur baharu UniMAP, menggantikan Unit Alumni sedia ada. Turut diwujudkan ialah Unit Promosi dan Pemasaran UniMAP yang akan diletakkan di bawah Timbalan Naib Canselor (A&A).
37. Berkaitan pemerksaan staf pula, jika saudara-saudari ingat, dalam syarahan 100 hari tersebut saya memberi penekanan kepada keperluan memastikan bahawa soal pengurusan prestasi staf, permohonan kenaikan pangkat, dan penempatan bersesuaian bagi staf serta tempoh perkhidmatan di sesuatu pusat tanggungjawab dilihat dengan serius. Hal ini penting kerana ia melibatkan semangat dan motivasi kerja, maruah dan harga diri seseorang staf itu, yang akhirnya terkait juga dengan kesejahteraan diri masing-masing.
38. Alhamdulillah, pada tahun pada tahun 2019, kita telah memperakukan kenaikan pangkat bagi sejumlah 177 orang staf, iaitu seramai 110 orang staf Akademik (Pengurusan Dan Professional), 17 staf Bukan Akademik (Pengurusan dan Professional) dan 50 orang staf Bukan Akademik (Pelaksana).
39. Penggiliran tugas pula telah melibatkan sejumlah 87 orang, iaitu 22 orang staf Akademik, 12 orang staf Bukan Akademik (Pengurusan & Profesional) dan 53 orang staf Bukan Akademik (Pelaksana). Dan InsyaAllah pada bulan Mac dan April tahun ini, akan ada satu lagi gelombang penggiliran, yang tidak lain dan tidak bukan, bertujuan untuk memastikan wujudkan ekosistem pengurusan dan pentadbiran universiti yang sihat.
40. Berkaitan dengan kualiti perkhidmatan UniMAP kepada pelajar, InsyaAllah pejabat-pejabat utama akan mula berpindah ke bangunan baharu Canselori dalam masa terdekat ini. Dengan perpindahan tersebut, kita akan dapat memberikan perkhidmatan setempat kepada pelajar dan pemegang taruh universiti apabila kaunter-kaunter bayaran dan perkhidmatan pelanggan ditempatkan di situ. Harapan saya agar suasana bertugas di tempat yang baharu akan memberi semangat untuk kita memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan UniMAP.




“**177**
orang staf
diberikan kenaikan
pangkat”

41. Berkaitan sistem “clock-in” yang telah dilonggarkan penggunaannya kepada staf akademik, kita telah memulakan tempoh rintis pada November 2019, yang telah dilanjutkan daripada 1 Januari hingga 28 Februari 2020. Semasa tempoh tersebut, kita telah meneliti data dan membuat telah membuat keputusan tentang langkah seterusnya. Sehubungan itu juga, suka saya maklumkan hari ini bahawa kertas cadangan yang berkaitan dengan Dasar Integriti telah pun diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti kali ke 70 Bil 1/2020 pada dua hari yang lepas, iaitu 26 Februari 2020 di Anjung UniMAP Kuala Lumpur. Ini bermakna, mulai 1 Mac 2020 dan seterusnya, dasar “clock in” sekali sehari untuk staff akademik akan digunakan. Saya berharap, dasar ini akan dapat dimanfaatkan oleh staff akademik sebaik mungkin untuk kecemerlangan university. Selain itu juga, kertas kerja pembangunan statut berkaitan perjalanan universiti juga telah dibentangkan dalam mesyuarat LPU lepas. Dasar tersebut dijangka akan berkuatkuasa sebaik saja statu.
42. Dalam syarahan saya tempoh hari, saya telah beberapa kali menyebut dan memberi penekanan kepada kepentingan “impak” dalam kita melaksanakan sesuatu perkara. Dalam bengkel Perancangan Strategik UniMAP 2025 di Sungai Petani bersama-sama ketua jabatan, juga saya telah menggariskan apa yang saya maksudkan dengan IMPAK, selain daripada maknanya yang sinonim dengan maksud “keberhasilan dan kesan”. Justeru, saya ulangi perkara itu sekali lagi di sini.

“ IMPAK ”

dalam kita melaksanakan sesuatu perkara



43. Saya amat berharap, pada tahun 2020 ini, segala tindak-tanduk kita akan berlandaskan IMPAK yang saya sebutkan. Fokus kepada IMPAK, dengan izin Yang Maha Kuasa, akan membawa kita kepada kecemerlangan demi kesejahteraan hidup masyarakat di sekeliling kita dan bangsa Malaysia amnya.

HALA TUJU TAHUN 2020



44. Seperti tahun-tahun yang lalu, tentunya operasi UniMAP akan bergantung kepada kedudukan kewangan kita. Pada tahun 2019, jumlah peruntukan geran mengurus yang diluluskan kerajaan kepada UniMAP adalah berjumlah RM253,395,592.00 iaitu meningkat sebanyak 7% berbanding geran mengurus yang diluluskan pada tahun 2018 iaitu sebanyak RM237,043,800.00.

RM282,902,000.00

unjuran perbelanjaan
mengurus

45. Bagi tahun 2020, kelulusan awal geran mengurus kepada UniMAP adalah berjumlah RM240,102,000.00, iaitu kurang daripada peruntukan tahun lalu. Bandingkan pula dengan unjuran perbelanjaan mengurus tahun ini sebanyak RM282,902,000.00 dengan mengambil kira penerimaan tambahan peruntukan khas penyelenggaraan kepada UniMAP. Untuk makluman, perbezaan antara jumlah geran mengurus dan perbelanjaan mengurus perlu ditampung daripada peruntukan sumber dalaman yang dijana Universiti.

46. Justeru, saya mohon semua warga UniMAP faham akan kedudukan kewangan kita, dan memastikan bahawa perbelanjaan adalah berdasarkan perancangan yang jelas, terperinci dan mempunyai jangkaan pulangan yang optimum dalam pelbagai bentuk. Saya juga mohon agar kita dapat sama-sama melaksanakan inisiatif penjanaan kewangan yang mana pulangannya akan memberi ruang kepada kita semua untuk menyumbang kepada pembangunan universiti. Saudara-saudari,

Saudara-saudari,

- 
- memberi tumpuan kepada penawaran program **TVET** yang unggul, pengajaran dan pembelajaran berteraskan **Industry4WRD**
47. Seorang ahli falsafah pada era pra-Socrates pernah berkata: *The only constant in life is change*, - “**Satu-satunya perkara yang tetap dalam kehidupan ini ialah perubahan**” – satu perkara yang mudah disebut tetapi sukar untuk diterima, apatah lagi untuk dilaksana. Saya tidak fikir saya perlu berhujah panjang tentang kenapa perubahan itu penting dan diperlukan secara amnya. Dalam konteks semasa UniMAP, saya merujuk kepada perubahan besar yang sedang kita rancang sekarang ini, iaitu penstrukturkan semula UniMAP. Saya yakin semua sudah maklum tentang usaha penstrukturkan yang sedang dilaksanakan. Pasukan yang diberi mandat mengusahakan agenda ini telah mengadakan sesi pendengaran awam, dan meneliti cadangan dan pendapat yang dikemukakan selepas sesi tersebut. Saya ucapkan terima kasih kepada warga UniMAP yang telah memberi pandangan masing-masing semasa dan selepas sesi tersebut.
 48. Kita semua maklum bahawa salah satu kerangka perancangan utama universiti adalah strategi UniMAP 2025. Bagi pelaksanaan tahun 2020 dan seterusnya Fasa 2 UniMAP 2025, satu bengkel semakan strategi universiti telah dilaksanakan pada November 2019, dan telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Universiti pada bulan yang sama. Ucapan saya seterusnya akan berfokus kepada teras strategik bagi UniMAP 2025.
 49. Bagi Teras **Akademik**, kita telah menetapkan objektif strategik yang memberi tumpuan kepada penawaran program TVET yang unggul, pengajaran dan pembelajaran berteraskan *Industry4WRD* dan memastikan kualiti akademik yang utuh. Hal ini selari dengan mandat yang diberikan kepada universiti dan pembekal TVET oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr Mahathir bin Mohamad, merangkap Pemangku Menteri Pendidikan dalam majlis amanat dan aspirasi beliau pada 6 Februari lepas. UniMAP perlu bersama-sama dengan institusi lain memainkan peranan menyumbang kepada hasrat yang diperincikan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Seorang ahli falsafah pada era pra-Socrates pernah berkata:

The only constant in life is change

50. Antara inisiatif yang dirancang termasuklah menerapkan elemen keusahawanan berdasarkan teknologi dalam kurikulum, mengukuhkan kurikulum dengan elemen *Industry4WRD*, mewujudkan '*industry on campus*', dan sebagainya. Selain aspek kurikulum, bagi perancangan jangka panjang, UniMAP mensasarkan nisbah pelajar program teknologi berbanding pelajar program kejuruteraan pada 2025 mencapai 70:30. Gabungan antara penambahbaikan kurikulum, bilangan dan jenis program, serta sasaran pelajar seperti yang saya sebutkan, Insya-Allah akan mampu menyumbang kepada pencapaian objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.
51. Usaha dan fokus Teras Akademik akan didasari oleh prinsip 7A:




 **Appropriate** - iaitu program akademik yang kita tawarkan mestilah bersesuaian dengan kehendak dan keperluan industri negara dan global



 **Accredited** - kita perlu memastikan program yang ditawarkan diiktiraf oleh badan akreditasi antarabangsa



 **Accessible** - program yang ditawarkan dalam pelbagai mod, yang akan membolehkan umum mendapat akses kepada program-program tersebut

- 

Affordable - yuran program adalah wajar, dan berlandaskan struktur pembayaran yang fleksibel
 - 

Adaptable - program boleh ditawarkan dalam pelbagai bentuk sama ada sepenuh masa, sambilan, pengajian jarak jauh, pembelajaran berasaskan modular, atau berkonsep *micro-credentials*
 - 

Anywhere - proses pengajaran-pembelajaran tidak terbatas oleh tempat yang tetap maupun lokasi geografi
 - 

Anytime - pembelajaran boleh berlaku secara fleksi, dari segi tempoh pengajian, bilangan semester, waktu pembelajaran dan tiada had umur.
52. Dengan memegang kepada prinsip yang saya sebutkan tadi dalam melaksanakan inisiatif yang dirancang, Insya-Allah kita akan dapat mencapai hasrat untuk meningkatkan kemahiran dan tahap ilmu pengetahuan lebih ramai pelajar, meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat Malaysia, serta memberi *financial independence* kepada UniMAP.
53. Tahun ini kita juga merancang untuk membangunkan **Flex-E** iaitu Kerangka Pembelajaran Anjal (*Flexible Education Framework*) yang akan membolehkan kita menyediakan program akademik yang akan dapat memenuhi keperluan pelbagai segmen masyarakat termasuk sektor industri pada peringkat tempatan dan khususnya kepada pasaran antarabangsa. **Flex-E** untuk sektor TVET ini merupakan yang pertama seumpamanya bagi sektor pendidikan negara ini.
- 

54. Seperkara yang amat penting merentasi semua Teras UniMAP 2025 dan yang perlu kita semua ambil tahu ialah berkenaan isu-isu kelestarian global seperti yang terkandung dalam Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu *Sustainable Development Goals* atau dalam Bahasa Melayu, Matlamat Pembangunan Lestari. Pada September 2015, kerajaan Malaysia telah menyatakan komitmen negara terhadap pelaksanaan yang menyokong keperluan kesemua 17 SDG, melalui lima (5) fokus utama, iaitu manusia, planet, kemakmuran, keamanan dan perkongsian.
55. Justeru, UniMAP sebagai sebuah institusi yang berteraskan pengembangan ilmu tidak boleh tidak, harus menyumbang kepada pelaksanaan inisiatif pada peringkat universiti dan komuniti setempat ke arah pencapaian SDG. Pada tahun ini, kita akan secara aktif berusaha memetakan program-program yang ditawarkan di UniMAP kepada objektif spesifik dalam kalangan 17 SDG tersebut. Melalui cara ini, UniMAP akan secara terus menyumbang kepada aspirasi dan objektif kelestarian pada peringkat global, sekaligus memastikan kerelevan program-program yang ditawarkan. Inisiatif dan aktiviti tersebut tidak terhad kepada teras Akademik tetapi juga relevan dengan banyak perancangan Teras UniMAP2025 yang lain. Saya mohon ketua-ketua Teras mengambil tindakan yang sewajarnya.
56. Berkaitan SDG juga, suka saya umumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah meluluskan penubuhan Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari. Penubuhan pusat baru ini ialah sebahagian daripada langkah UniMAP memastikan agenda kelestarian diurus secara berstruktur. UniMAP akan bersama-sama universiti-universiti lain di dunia berusaha untuk menjayakan agenda kelestarian yang dipelopori oleh PBB. Dari segi operasi, hal ini bermakna kita perlu lebih akrab dengan pihak kerajaan, pihak industri dan masyarakat untuk memastikan semua pihak mempunyai visi dan objektif yang sama dalam tindakan berkaitan kelestarian komuniti dan global.
57. Dalam usaha meningkatkan kompetensi tenaga pengajar secara umum dan terutamanya dalam aspek pedagogi yang menyumbang kepada kualiti proses pembelajaran, semua staf akademik akan dinilai menggunakan instrumen standard merentasi fakulti. Inisiatif ini akan dilaksanakan bermula Sidang Akademik 2020/2021. Melalui penilaian ini, staf yang memperolehi skor yang rendah dalam aspek pedagogi akan diberi latihan pengukuhan untuk meningkatkan kualiti pengajaran masing-masing, manakala staf yang mendapat skor yang tinggi berturut-turut boleh dilantik menjadi mentor pedagogi. Perkara ini akan diuruskan oleh LEAD, sebagai entiti yang bertanggungjawab terhadap usaha pengembangan bakat dan pembangunan pemimpin akademik dalam kalangan staf UniMAP.



lima (5) fokus utama,
iaitu
manusia,
planet,
kemakmuran,
keamanan dan
perkongsian.



memperluaskan
jenama UniMAP
melalui pusat
global maya
UniMAP@global;
UniMAP@Medan,
UniMAP@Beijing,
UniMAP Bangkok,
UniMAP@Brunei,
UniMAP@Riyadh

58. Tahun 2020 ialah tahun **Pengantarabangsaan** bagi UniMAP. Objektif strategik kita ialah meningkatkan keterlihatan antarabangsa, penjenamaan imej UniMAP sebagai universiti antarabangsa dan mewujudkan persekitaran berorientasi global. Inisiatif yang akan dilaksanakan termasuklah meningkatkan libat urus dengan alumni antarabangsa, perwakilan kedutaan dan pihak berkepentingan antarabangsa, serta pihak yang berpotensi sebagai rakan strategik pada peringkat antarabangsa. Seperti yang saya jelaskan tadi, perwujudan Chapter Antarabangsa Alumni Medan, dan Unit Promosi dan Pemasaran UniMAP melalui usaha penstrukturuan semula universiti dijangka dapat menyumbang ke arah pencapaian objektif yang telah saya sebutkan.
59. Di samping itu, keterlihatan UniMAP pada peringkat antarabangsa akan diusahakan dengan memperluaskan jenama UniMAP melalui pusat global maya UniMAP@global. Contohnya UniMAP@Medan, UniMAP@Beijing, UniMAP@Bangkok, UniMAP@Brunei, UniMAP@Riyadh dan sebagainya. Selain itu, dalam memastikan kita dapat merebut peluang daripada penekanan terhadap aktiviti mobiliti oleh universiti dunia pada masa kini, kita akan mengusahakan supaya semua program ijazah pertama dan pascasiswazah akan bermula pada masa yang sama setiap tahun, bermula Sidang Akademik 2020/2021. Melalui cara itu, InsyaAllah kita dapat meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa, satu aspek yang amat perlu kita baiki mengambil kira pencapaian KPI berkaitan yang rendah pada tahun 2019.
60. Kita semua sedia maklum bahawa UniMAP memainkan peranan yang penting dalam membangun negara. Justeru, UniMAP akan sentiasa memastikan penyelidikan berada atas landasan yang tepat walaupun menghadapi pelbagai cabaran, umumnya dalam hal-hal berkaitan kewangan. Usaha berkaitan **Penyelidikan dan Inovasi** di UniMAP akan memberi fokus kepada inisiatif menggiatkan penyelidikan dan inovasi universiti untuk manfaat masyarakat tempatan dan global. Antara fokus kita termasuklah menggalakkan persekitaran terbuka sebagai pemangkin kepada aktiviti keusahawanan, mengutamakan kolaborasi antarabangsa yang memberi impak global, melahirkan malim penyelidikan untuk masa hadapan, meningkatkan pembiayaan penyelidikan dan mengukuhkan infrastruktur untuk kecemerlangan penyelidikan. Secara umumnya, agenda penyelidikan UniMAP pada tahun ini akan memberi fokus kepada aspek kualiti berbanding kuantiti, dan akan terus berusaha untuk menjadi penyelesai masalah atau *solution provider* kepada industri dan pihak yang memerlukan.

61. Untuk menggiatkan lagi aktiviti P&I, UniMAP telah memperuntukkan lebih daripada RM300,000.00 yang akan disalurkan melalui bantuan khas penerbitan dan aktiviti penyelidikan yang lain bagi memastikan setiap staf akademik di UniMAP terlibat dengan penyelidikan. Berkaitan itu juga, kita akan merealisasikan pencapaian sebanyak 50 peratus jumlah *Principal Investigator (PI)* pada tahun 2020. Untuk mencapai hasrat tersebut, UniMAP menetapkan 30% daripada jumlah staf aktif Pusat Akademik perlu mempunyai Geran Penyelidikan. Bengkel-bengkel seperti bengkel permohonan geran penyelidikan akan dijatkan bagi memastikan setiap staf akademik berkebolehan menulis proposal penyelidikan yang berkualiti.
62. Bagi penerbitan dan sitasi berimpak tinggi, kita mensasarkan 1500 artikel terindeks Scopus pada tahun ini dan 300 artikel yang diindeks dalam WOS. Selain itu, kita juga meletakkan sasaran 24 buah buku saintifik dan bilangan yang sama bagi bab dalam buku.
63. Pengukuhan kemudahan infrastruktur penyelidikan adalah penting bagi merancakkan lagi ekosistem inovasi UniMAP. Antara usaha yang akan dilaksanakan tahun ini ialah pembangunan *integrated CoE* yang akan memusatkan aktiviti penyelidikan UniMAP yang sebelum ini bertaburan. UniMAP mengambil peluang ini seiring dengan kewujudan kawasan Pembangunan Industri Lembah Chuping (CVIA). *Integrated CoE* ini akan dilengkapi dengan Inkubator Penyelidikan dan kemudahan ruang bagi pelajar pascasiswazah. Usaha ini merupakan satu inisiatif dalam memastikan penjanaan pendapatan dan pengkomersialan produk dapat dilaksanakan secara berterusan oleh para penyelidik, memastikan kesinambungan penyelidikan bersama industri, dan juga salah satu inisiatif keusahawanan.
64. UniMAP juga akan membangunkan *integrated lab* pada tahun ini. Makmal gunasama ini akan memberi peluang gunasama kemudahan peralatan penyelidikan dan peralatan teknologi terkini yang dibawa masuk oleh industri luar. Dengan adanya perkongsian peralatan dan kemudahan di UniMAP Solutions, kos pengoperasian dan kos-kos lain yang berkaitan akan dapat dikurangkan.
65. Dalam memastikan hakcipta produk-produk penyelidikan dilindungi, UniMAP akan bekerjasama dengan MyPO untuk menghasilkan sekurang-kurangnya 20 patent dengan kos yang rendah. Kerjasama ini akan memberi penjimatan kepada UniMAP melebihi RM200,000.00 berbanding amalan yang dilakukan sebelum ini.
66. Perkara utama yang ingin saya nyatakan di sini ialah staf akademik perlu memberi penekanan kepada aktiviti penyelidikan, dan memastikan bahawa aktiviti penyelidikan, termasuk penyelidikan yang berkaitan dengan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran, adalah relevan dan menyumbang kepada keperluan dan kehendak industri.

Saudara-saudari, terutamanya para pelajar UniMAP,

67. **Kesejahteraan pelajar** adalah keutamaan bagi kita, selaras dengan kedudukan pelajar sebagai pemegang taruh utama dalam ekosistem universiti. Objektif utama universiti dalam hal ini ialah untuk membina pelajar yang siaga masa depan, dengan memberi fokus kepada keusahawanan dan pengupayaan pelajar, memastikan kampus adalah mesra pelajar, dan mengukuhkan nilai murni dan jati diri pelajar. Salah satu program pengukuhan diri adalah program *Pillars* yang telah saya sebutkan tadi.

RM500,000.00

wang zakat untuk diagihkan kepada pelajar yang memerlukan bantuan dengan sasaran bantuan kepada lebih 1200 orang pelajar.



68. Bagi mencapai matlamat kesejahteraan pelajar, pihak universiti telah merangka beberapa pendekatan yang berfokus pada tahun 2020. Kajian oleh pasukan penyelidik dari Pusat Pengajian Ekonomi, UKM (2017) mendapati pencapaian akademik pelajar sememangnya mempunyai hubungan yang rapat dengan pengurusan kewangan mereka. Dapatan juga menunjukkan bahawa dalam kalangan pelajar yang belajar di universiti, 43.1 peratus daripada mereka akan menghadapi isu kewangan. Justeru, untuk mengupayakan pelajar dalam mengharungi cabaran kewangan, universiti akan menggariskan beberapa pendekatan yang sesuai.

69. UniMAP akan meningkatkan sumber dana dan bantuan yang mampan kepada pelajar seperti pemberian biasiswa (bagi pelajar pasca siswazah), dan zakat. Pada tahun 2020, kita

memperuntukkan sebanyak setengah juta (RM500,000.00) wang zakat untuk diagihkan kepada pelajar yang memerlukan bantuan dengan sasaran bantuan kepada lebih 1200 orang pelajar.

70. Universiti juga akan menawarkan pekerjaan sambilan kepada 100 orang pelajar dan latihan untuk mereka melibatkan diri dalam Gig Economy, selain menggalakkan mereka untuk menggunakan platform <hireme.unimap> untuk aktiviti keusahawanan.

71. Selain itu, universiti akan memperkasakan pelaksanaan program *foodbank* dengan kerjasama MAIPs secara konsisten yang akan memberikan manfaat secara berterusan kepada 300 orang pelajar.
72. Universiti juga bertuah dengan adanya pihak tertentu yang prihatin tentang kebijakan pelajar, seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang amat peka tentang kemaslahatan pelajar di universiti. Pada tahun ini, seramai 53 orang pelajar akan ditawarkan penginapan kolej secara percuma selama dua (2) tahun. Pemilihan yang dibuat berdasarkan kriteria tertentu ini adalah hasil sumbangan wakaf penginapan PNB bernilai RM100,000.00. Terima kasih kita ucapkan kepada PNB.
73. Kolej kediaman merupakan sebahagian daripada kemudahan utama universiti, yang menyediakan kemudahan penginapan dan makanan serta aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar kepada mahasiswa di universiti. Ia juga adalah nadi kepada kehidupan warga universiti. UniMAP, sebagaimana yang kita semua maklum, adalah antara Universiti yang mengamalkan dasar menawarkan penginapan sepenuhnya kepada para pelajar.
74. Sehubungan itu, bagi peningkatan kualiti penginapan pelajar, Insyaallah dengan penstrukturkan semula UniMAP, kita akan dapat menawarkan penginapan yang lebih selesa kepada pelajar iaitu sebuah rumah akan hanya menempatkan bilangan pelajar yang sedikit berbanding sekarang. Perkara ini bergantung kepada jenis penginapan yang terdapat di kolej kediaman. Sebagai contoh, bagi rumah yang sekarang ini dihuni oleh 12 orang, akan kita kurangkan kepada sembilan (9) orang. Manakala yang menempatkan tujuh (7) orang, pihak universiti akan berusaha mengurangkan kapasiti rumah kepada lima (5) orang. Usaha ini bertujuan untuk memberi ruang dan keselesaan kepada para pelajar supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada pemantapan dan peningkatan pencapaian akademik.
75. Dalam usaha menyemai tatacara kehidupan yang penuh harmoni dan sopan santun di kolej kediaman, saya mengisyiharkan bahawa setiap hari Khamis diwartakan sebagai ***Hari Berbudi Bahasa***. Inisiatif ini bertujuan melahirkan pelajar yang beradab dan mempunyai budi pekerti yang disanjung tinggi. Selain itu, untuk peningkatan kemahiran kendiri (*soft skills*) pelajar dalam berkomunikasi, pada setiap hari Khamis juga, para pelajar diwajibkan berinteraksi dalam Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan mereka.

**sumbangan wakaf
penginapan PNB
bernilai**

“RM100,000.00.,”

Saudara-saudari,

76. Selari dengan hasrat UniMAP menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, salah satu Teras utama dalam strategi universiti ialah **Libatsama & Pembangunan Komuniti**. Dalam hal ini, UniMAP akan menjadi institusi penyumbang utama kepada pembangunan komuniti dengan memberi fokus kepada pembudayaan tanggungjawab sosial dan pengupayaan komuniti. Dalam erti kata lain, kita membina para pelajar dengan nilai tanggungjawab terhadap pembinaan dan pemerkasaan masyarakat. Inisiatif utama yang melibatkan semua PTJ ialah program *Service Learning Malaysia University for Society - SULAM*.
77. SULAM ialah kaedah pembelajaran berdasarkan disiplin yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti untuk menyelesaikan permasalahan sebenar komuniti, berteraskan nilai kasih sayang, kesejahteraan dan saling hormat-menghormati. SULAM akan dilaksanakan di UniMAP bermula semester ke-2 Sidang Akademik 2019/2020 yang melibatkan 11 pusat pengajian dan 11 kursus dan tiga (3) kawasan Parlimen Negeri Perlis yang merangkumi 15 Dewan Undangan negeri. Sekaligus, UniMAP akan menjadi agen yang instrumental dalam pembangunan komuniti di negeri ini.
78. Salah satu komponen penting dalam ekosistem universiti ialah bakat. Teras **Kecemerlangan Bakat** diwujudkan dalam UniMAP 2025, untuk memberi fokus kepada pemupukan bakat cemerlang yang akan memacu hala tuju universiti. Sebagaimana yang kita semua maklum, bakat di universiti tergolong dalam dua kumpulan besar: pertama ialah kumpulan staf akademik, dan keduanya ialah kumpulan staf bukan akademik (yang terdiri daripada dua kumpulan). Kesemua kumpulan ini saling melengkapi antara satu dengan yang lain, dan kecemerlangan universiti amat bergantung kepada hubungan sinergistik antara kesemua pihak tersebut.
79. Justeru, antara inisiatif yang akan diberi tumpuan ialah melaksanakan latihan dalam Kerangka Kecekapan bagi staf Pengurusan dan Profesional (Pentadbir dan Akademik), dan melaksanakan kursus dan latihan berteraskan kompetensi dalam kepelbagaiannya tugas yang ditetapkan.

“SULAM”

kaedah pembelajaran berdasarkan disiplin yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti untuk menyelesaikan permasalahan sebenar komuniti, berteraskan nilai kasih sayang, kesejahteraan dan saling hormat-menghormati.

80. Salah satu hasrat penstrukturansemula Universiti ialah untuk memastikan bahawa pemegang jawatan utama di sesetengah PTJ tidak hanya terhad kepada staf akademik sahaja. Bahkan, jika ada staf bukan akademik yang mempunyai kompetensi yang berkaitan, maka keutamaan akan diberikan kepada staf tersebut. Hal ini juga akan menyumbang kepada pemerksaan staf akademik agar mereka boleh memberi tumpuan kepada pemantapan akademik, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Untuk mencapai hasrat tersebut, latihan dan pendedahan kepada amalan baik (*good practices*) di organisasi lain amat penting.

81. Justeru, kita menawarkan peluang untuk staf bukan akademik menyertai program sangkutan (*attachment*) berteraskan kepada keperluan universiti. Program ini terbuka kepada staf yang berminat dan berkelayakan. Apa pun, yang ingin saya tekankan hari ini ialah pentingnya untuk staf bukan akademik bekerja dengan efisien dan beretika dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Kadangkala, apabila kita berada di tempat dan persekitaran kerja yang sama dalam tempoh yang lama, kita menjadi amat selesa dan berasa tidak perlu kepada perubahan. Justeru, program sangkutan seperti ini membuka ruang dan peluang kepada penambahbaikan itu.

Saudara-saudari,

82. Kesihatan mental setiap individu amat penting bagi menjamin kesejahteraan masyarakat. UniMAP peka akan hal ini dan berusaha untuk membantu staf mencapai keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan berkeluarga. Seperti yang disebutkan awal tadi, pihak pengurusan telah mengkaji data sepanjang pelaksanaan rintis ‘Single Clock-in Attendance’ bagi staf akademik, dengan harapan penguatkuasaan sepenuhnya dapat dilaksanakan. Ingin saya umumkan di sini, LPU telah meluluskan ‘Single Clock-in Attendance’. Ini bermakna, mulai 1 Mac 2020 dan seterusnya, sistem “clock in” sekali sehari untuk staff akademik akan digunakan. Saya berharap, sistem ini akan dapat dimanfaatkan oleh staff akademik sebaik mungkin untuk kecemerlangan universiti.
83. Untuk staf bukan akademik, UniMAP akan memperkenalkan Waktu Bekerja Fleksi (WBF). Waktu bekerja fleksi (WBF) telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti kali ke 70, Bil.1/2020 dan ia akan berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Mac 2020. Melalui WBF staf bukan akademik bebas untuk *clock-in* antara jam 7.30 pagi hingga 8.30 pagi dan perlu memenuhi minimum 9 jam bekerja sehari. Hal ini bermakna staf akan *clock-out* antara jam 4.30 sehingga 5.30 petang setiap hari. Contohnya, jika seseorang staf bukan akademik *clock-in* pada jam 7.30 pagi maka setelah memenuhi 9 jam sehari beliau akan *clock-out* pada 4.30 petang. Jika beliau *clock-in* 7.45 pagi maka beliau perlu *clock-out* pada jam 4.45 petang. Sekiranya staf tersebut *clock-in* pada jam 8.31 pagi, beliau akan dianggap sebagai lewat datang bekerja. Saya berharap juga dengan keluwesan yang diberikan melalui WBF dan *Single Clock-in Attendance*, semua staf akan lebih beretika dalam urusan kehadiran ke pejabat, dan memegang prinsip jujur kepada diri sendiri dalam hal ini.
84. Berkaitan dengan soal kerja juga, ingin saya berkongsi di sini tentang teori *The Productivity Paradox*. Teori ini menyatakan bahawa semakin lama kita bekerja dalam sehari, tahap produktiviti akan semakin berkurangan pada penghujung tempoh tersebut. Hal ini bermakna, keberhasilan kerja bukan bergantung kepada berapa lama kita bekerja, tetapi kepintaran kita dalam menguruskan masa untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Mungkin selepas ini, Unit Latihan dapat memberi latihan tentang pengurusan masa di tempat kerja supaya waktu yang ada dapat dioptimumkan untuk penghasilan kerja yang cemerlang.
85. Berkaitan dengan hal ini juga, saya meminta ketua-ketua jabatan untuk lebih berhemah dalam berurusan dengan staf masing-masing di luar waktu pejabat atau pada hujung minggu, terutama sekali melalui penggunaan media sosial. Sebaiknya, jika tiada keperluan mendesak, mungkin perlu dikurangkan atau ditiadakan langsung interaksi berkaitan kerja melalui *Telegram*, *Whatsapp* dan sebagainya. Hal ini supaya staf boleh memberi tumpuan kepada urusan dan kesejahteraan keluarga masing-masing. Saya yakin, berpandukan *The Productivity Paradox* juga, waktu rehat atau ‘*time-off*’ yang diberikan kepada staf, akan membolehkan staf datang bekerja kesokan harinya dengan lebih bersemangat dan lebih produktif.

Saudara-saudari sekalian,

94. Seperti yang saya sebutkan awal tadi, perbezaan antara jumlah geran mengurus dan perbelanjaan mengurus perlu ditampung daripada peruntukan sumber dalaman yang dijana Universiti. Dalam hal ini, Teras **Kelestarian Kewangan** adalah teras yang penting untuk dilaksanakan. Objektif utama teras ini ialah untuk kemandirian universiti, dengan cara tumpuan diberikan kepada pemerolehan endowmen dan wakaf untuk kemakmuran dan kesejahteraan universiti, mengumpul dana keusahawanan pelajar dan usaha menuju ke arah kewangan yang mampan.
95. Antara inisiatif utama yang akan kita laksanakan ialah mendapatkan dana daripada agensi yang dikenal pasti melalui aktiviti keusahawanan sosial dan keusahawanan yang berbentuk perniagaan berimpak tinggi (dari dalam dan luar negara) dan membudayakan konsep wakaf/ endowmen dalam kalangan staf Universiti serta menjalankan aktiviti pengumpulan dana (atau *fundraising*).
96. Dalam usaha mencapai kemampunan kewangan, saya mengajak semua PTj sama-sama memikirkan cara mereka boleh menjana sumber kewangan berdasarkan bidang dan kemahiran yang ada di PTj. Dari segi governan, PTj boleh berhubung dengan Pusat Pembangunan Profesional dan Pembelajaran Berterusan (PDCE) di bawah struktur baharu yang menguruskan UniMAP@KL dan UniMAP@Kulim, serta *One Stop Centre* (OSC) yang sekarang di bawah pengurusan Pejabat PNC (Kelestarian Kewangan) untuk mendapatkan khidmat nasihat dan fasilitasi dalam perancangan masing-masing.

Saudara-saudari sekalian,

97. Tahun ini bagi saya ialah tahun yang mencabar. Bukan sedikit perubahan yang kita hasratkan. Dan bukan sedikit juga cabaran yang datang dari pelbagai arah. Saya mengajak saudara-saudari bersedia untuk berubah. Kita tidak boleh selama-lamanya berada pada satu takuk sahaja, atau bertindak dengan satu cara atau kaedah sampai bila-bila. Jika perubahan tersebut tidak dicetuskan oleh persekitaran dalaman sekalipun, persekitaran luaran yang dinamikakan menuntut supaya kita berubah. George Bernard Shaw pernah berkata "*Progress is impossible without change, and those who cannot change their minds cannot change anything*" - "Mustahil ada kemajuan tanpa perubahan. Orang yang tak dapat mengubah fikirannya tak akan mampu mengubah apa-apa."
98. Saya yakin dan percaya bahawa warga UniMAP ialah warga yang progresif, yang sentiasa inginkan kepada penambahbaikan dalam hidup. Budaya "*complain and complacency*", iaitu sentiasa merungut dan mengeluh, serta berasa selesa, perlu dibuang jauh-jauh daripada kamus kehidupan kita semua. Saya teringat satu petikan dalam karya tahun 1973 Sasterawan Negara Shahnon Ahmad yang berjudul Srengenge. Ianya berbunyi begini: "*Mereka cuma tahu membantah. Membantah bukan kerana apa-apa tetapi kerana hendak membantah*". Saya harap kita tidak tergolong dalam kalangan seperti mereka di Bukit Srengenge dalam karya tersebut. Tukarkan rungutan kepada penyelesaian, dan buang keselesaan untuk mencari cabaran ke arah sesuatu yang lebih baik.

99. Saya juga yakin dan percaya jika kita melakukan sesuatu tindakan dengan ikhlas, demi kesejahteraan warga sejagat, Tuhan akan permudahkan usaha kita dan meluaskan laluan yang bakal kita tempuh. Saya mengajak saudara-saudari bersama-sama dengan pihak pengurusan UniMAP untuk bersatu dalam kesediaan kita untuk berubah dan memberi fokus kepada jalan di hadapan.
100. Kecemerlangan dalam semua aspek yang saya perincikan tadi, dengan izinNya, akan membawa kepada kesejahteraan kita sebagai sebuah institusi, dan kesejahteraan bangsa Malaysia. Saya berdoa semoga Allah mempermudahkan segala urusan kita pada tahun ini, dalam usaha UniMAP menerajui kecemerlangan untuk kesejahteraan insan.

***“Tegap dan gagah kuda sekawan,
Di tengah padang tangkas berlari;
UniMAP melangkah menjana kemajuan,
Amanah dipegang ikhlas berbakti.”***

***“Dipersada dunia kita berdiri,
Dengan iltizam dan integriti;
Membawa kebahagiaan yang sejati,
Insan sejagat hidup bererti.”***

***“Akhir Sekali, saya menyeru kepada semua
warga UniMAP baik staf mahupun pelajar
untuk terus bekerja bersama saya
demi memastikan UniMAP terus
cemerlang pada tahun 2020”.***

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.



www.unimap.edu.my



#UniversitiMalaysiaPerlis